



SABIL sedih mengenang nasib yang ditinggal lapan anaknya di Kampung Kudei Baru, Kuching.

# Bapa kaya anak hidup kesepian

B1H 22/6/2011 3

## Sindrom 'Empty Nest' meningkat berikutan generasi muda hijrah ke bandar

Oleh Matzidi Dris  
mzidi@bharian

**K**UCHING: Kaya anak tetapi hidup kesepian. Itulah nasib warga emas, Sabil Terbi, 77, dari Kampung Kudei Baru dekat sini, yang mempunyai sembilan anak tetapi mengalami sindrom 'Empty Nest' iaitu rasa kesunyian dan sedih akibat tinggal bersendirian di kawasan luar bandar dan berjauhan dengan anak.

Daripada sembilan anaknya termasuk empat lelaki, hanya seorang yang sanggup menjaganya iaitu anak sulungnya, Railie Sabil, 42.

"Kalau ada warga emas di Sarawak yang hidupnya sunyi dan terabai, sayalah antara mereka. Saya mempunyai sembilan anak berusia 25 hingga 42 tahun, namun hanya anak sulung yang sanggup menjaga saya, sedang yang lain tidak pernah menjenguk saya," katanya ketika ditemui di sini.

Berikutan anak sulungnya juga kerap tiada di rumah kerana mencari barangan buangan terpakai sebagai sumber rezeki, Sabil beru-

lang alik ke pasar setiap hari bagi menghilangkan rasa sepi dan bosan tinggal di rumah berseorangan.

Isterinya, Allahyarhamah Yot Bujang, meninggal dunia 15 tahun lalu dan sejak itulah hidup dia bertambah sunyi.

Menurut Sabil, lapan anaknya yang lain bukan saja tidak datang menjenguknya, malah tidak pernah memberi atau mengirimi wang ke-

padanya walau satu sen pun.

"Saya hanya berharap kepada anak sulung yang pendapatannya antara RM10 ke RM20 sehari, hasil jualan barangan terpakai," katanya.

Tambah perit, Sabil sendiri menghidap pelbagai penyakit termasuk darah tinggi, lemah jantung dan barah paru-paru.

Beliau mendakwa, pernah meminta bantuan bulanan daripada Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan Jabatan Kebajikan Negeri namun masih belum menerima sebarang maklum balas sehingga kini.

Sementara itu, Majlis Wanita dan Keluarga Sarawak (MWKS) tidak terkejut dengan laporan Sarawak menduduki tangga ketiga, dengan 62,804 warga emas mengalami sindrom 'Empty Nest.'

Pengerusinya, Datin Fatimah Abdullah, berkata masalah itu berlaku ekoran perubahan tidak dapat dielakkan iaitu kebanyakan generasi muda terpelajar di negeri ini terpaksa meninggalkan kampung halaman masing-masing untuk men-

cari peluang pekerjaan yang kebanyakannya di kawasan bandar.

Beliau yang juga Menteri di Pejabat Ketua Menteri berkata, masalah itu banyak berlaku di kampung dan rumah panjang di kawasan luar bandar serta pedalaman negeri ini susulan penghijrahan golongan muda untuk mencari peluang pekerjaan.

Katanya, sebab itulah sejak kebelakangan ini jumlah golongan muda yang terpelajar dan berkecambah semakin sukar ditemui di kampung dan rumah panjang di kawasan luar bandar serta pedalaman, berbanding 1970-an.

"Keadaan ini yang membuat ramai warga emas di negeri ini mengalami sindrom 'Empty Nest' dan keadaan itu akan terus berlaku ekoran pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE)

"Generasi muda berhijrah ke bandar utama yang berhampiran terutama Kuching, Sibul, Miri dan Bintulu untuk merebut apa juga peluang pekerjaan termasuk di sektor perkhidmatan," katanya kepada Berita Harian.



*Kalau ada warga emas di Sarawak yang hidupnya sunyi dan terabai, sayalah antara mereka. Saya mempunyai sembilan anak berusia 25 hingga 42 tahun, namun hanya anak sulung yang sanggup menjaga saya*



Sabil Terbi